

28 MAY 2000

Hishammuddin-Keadilan

PENYOKONG KEADILAN DISERU SERTAI UMNO TETAPI ADA SYARAT

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini menyeru penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang kecewa dengan sikap pemimpin mereka supaya menyertai UMNO agar sama-sama dapat memperjuangkan nasib bangsa.

"Bagaimanapun ini tidak bermakna UMNO bersikap terbuka terhadap mereka kerana kemasukan itu adalah bersyarat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Umno Bahagian Cheras di sini.

Beliau berkata kemasukan mereka ke dalam UMNO mestilah ikhlas dan bukan dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau mempunyai tujuan tertentu.

"Bagaimanapun bukan hak saya menentukan syarat... ini hanyalah satu nasihat kerana anggota UMNO yang akan menilai mereka," katanya.

Hishammuddin mengulas laporan mengenai perpecahan yang berlaku dalam parti Keadilan baru-baru ini sehingga Timbalan Presiden Dr Chandra Muzaffar dan Setiausaha Agungnya Mohd Anuar Tahir diminta meletakkan jawatan.

Ditanya mengenai kemungkinan pemimpin Keadilan menyertai semula UMNO, Hishammuddin berkata kemasukan semula mereka ke dalam UMNO sukar diterima kerana mereka menjadikan parti (UMNO) sebagai platform untuk tujuan tertentu dan apabila gagal, mereka keluar dan memburuk-burukkan UMNO.

"Kita kenal perangai sebahagian daripada pemimpin Keadilan itu kerana mereka pernah masuk UMNO dan apabila tujuan mereka gagal, mereka dengan sekelip mata menukar pendirian dan lompat atau tubuh parti lain," katanya.

Hishammuddin berkata pemimpin sebegini tidak akan kekal lama dalam perjuangan sesuatu bangsa, agama dan negara.

Semalam, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata penyokong Keadilan dilihat mula kecewa kerana menyedari perjuangan mereka bukan untuk reformasi tetapi atas nasib bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Anwar Ibrahim.

Semalam, 15 pemimpin Keadilan termasuk Naib Ketua Pemuda Kedah Zuraidi Rahim keluar dari parti itu dan menyertai UMNO.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Pemuda Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, Ketua UMNO Cheras Syed Ali Alhabshee, Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan Ahmad Fauzi Zahari dan Penolong Setiausaha pergerakan itu Zulkifli Alwi.

-- BERNAMA

SLR FAZ